

Muhyiddin sihat, tak alami gejala selepas terima vaksin

PM gesa rakyat segera daftar untuk dapatkan suntikan melalui MySejahtera

Oleh Rafidah Mat Ruzki, Faris Fuad dan Noor Atiqah Sulaiman bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sehari selepas menjadi individu pertama menerima suntikan vaksin COVID-19 satu dos Pfizer-BioNTech di negara ini, Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam memaklumkan dirinya sihat dan tidak mengalami gejala demam atau kesan sampingan lain.

Perdana Menteri menerusi video dimuat naik di Facebook semalam, turut melahirkan keyakinan vaksin diterima itu selamat dan berkesan.

"Alhamdulillah, hari ini (semalam) hari kedua selepas semalam (kemarin) saya dapat suntikan vaksin COVID-19, semuanya berjalan dengan baik.

"Saya yakin ini adalah vaksin selamat, berkesan. Ramai tanya saya hari ini bagaimana keadaan saya? Alhamdulillah saya berasa sihat, tiada rasa demam dan luar biasa.

"Makan dan selera macam biasa. Bagi saya vaksin yang saya terima ini agak baik," katanya.

Muhyiddin menegaskan masih mempraktikkan prosedur operasi standard (SOP) termasuk pemakaian pelitup muka walaupun sudah menerima suntikan vaksin COVID-19, kelmarin.

"Masih teruskan amalan SOP digunakan, saya di rumah tidak pakai pelitup muka, tetapi biasa (di luar) saya pakai.

"Cuci tangan macam biasa, penjarakan fizikal macam biasa dan jangan pergi tempat orang ramai-ramai (sesak), ini harus kita teruskan," katanya.

Perdana Menteri sekali lagi memohon semua rakyat mendaftar untuk mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 bagi menamatkan penularan COVID-19 di negara ini.

"Kita perlu ramai-ramai mendaftar untuk mendapat suntikan menerusi aplikasi MySejahtera. Saya sudah ada (aplikasi itu) dalam telefon (pintar). Semua data, maklumat yang terima semalam, saya terima dos pertama dan dapat



Dr Noor Hisham Abdullah



Sheilla Mellissa Sikin

tarikh untuk dos kedua.

"Dia bagi saya temu janji 17 Mac akan datang, Insha-Allah selepas itu baru dapat sijil selesai menerima suntikan vaksin COVID-19.

"Saya mengucap syukur terhadap Allah SWT kerana keadaan (kesihatan) masih baik dan sihat. Saya doakan anda semua sentiasa dalam keadaan sihat," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, barisan hadapan yang menerima suntikan vaksin COVID-19 kelmarin, kekal sihat tanpa sebarang kesan sampingan selepas mendapat dos pertama masing-masing.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berasa seperti biasa dan tidak mengalami gejala demam atau sakit di tempat suntikan.

"Alhamdulillah, sehari selepas menerima suntikan dos pertama vaksin COVID-19, tiada kesan sampingan yang dialami setakat ini.

"Jumlah larutan vaksin yang digunakan hanya 0.3 mililiter (ml) dan jarum yang digunakan adalah

jarum yang halus," katanya dalam hantaran menerusi Facebook, semalam.

Beliau turut meminta orang ramai segera mendaftar menerusi aplikasi MySejahtera bagi mendapatkan suntikan vaksin mengikut fasa kelayakan ditetapkan.


Katanya, vaksin akan memberi perlindungan diri dan kelompok.

Penolong Pegawai Perubatan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Putrajaya, Khairul Asraf Mohd Yasin, bertugas seperti biasa semalam berikutan keadaan kesihatannya mengizinkan untuk berbuat demikian.

"Alhamdulillah, saya sihat dan tiada kesan sampingan atau alahan diterima selepas mendapat suntikan vaksin semalam (kelmarin).

"Hari ini (semalam) saya bertugas seperti biasa," katanya kepada BH ketika dihubungi, semalam.

Khairul Asraf berharap program imunisasi yang bermula kelmarin berjalan lancar dan meminta orang ramai untuk tampil me-



Muhyiddin berkongsi pengalaman selepas menerima suntikan dos pertama vaksin COVID-19 di laman FB. (Foto ihsan FB Muhyiddin Yassin)

nerima suntikan vaksin.

"Dengar saranan pakar kesihatan. Jangan percaya berita palsu. Vaksin bukan sahaja penting untuk diri sendiri tetapi bagi melindungi orang yang kita sayang, sebab itu kita tegaskan lindungi diri, lindungi semua," katanya.

Jururawat Klinik Kesihatan Presint 9, Putrajaya, Sheilla Mellissa Sikin, turut mengesahkan kesihatannya seperti biasa selepas menerima suntikan kelmarin.

"Sehari selepas menerima vaksin, tiada apa-apa kesan sampingan yang teruk, cuma sedikit sakit di tempat disuntik sama seperti kalau kita mendapat suntikan Tetanus (kancing gigi), itu sahaja.

"Tidur saya lena tiada masalah, secara keseluruhannya semuanya baik.

"Saya harap rakyat Malaysia bersiap sedia mengambil vaksin COVID-19 supaya kita dapat mengawal dan menghapuskan rantaian virus berkenaan.

"Jangan percaya isu bukan-bukan berkaitan vaksin ini kerana ia

sudah dikaji dan keberkesannya terbukti untuk melindungi diri serta masyarakat," katanya.

Pemandu di PKD Putrajaya, Clement Marai Francis, turut bertugas seperti kebiasaannya semalam, selepas mendapati tiada alahan pada diri selepas menerima suntikan vaksin COVID-19 kelmarin.

"Macam biasa sahaja, tidak ada rasa apa-apa dan boleh tidur nyenyak.

"Hari ini (semalam) pun saya bertugas menghantar sampel ujian saringan COVID-19 ke makmal, nampak macam tiada kelainan," katanya.

Mereka adalah antara individu yang menjalani vaksinasi melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan bermula kelmarin.

Permulaan fasa pertama program berkenaan akan menyaksikan petugas barisan hadapan menerima vaksin masing-masing secara berperingkat mengikut negeri, dalam usaha kerajaan melawan penularan COVID-19 di negara ini.



Khairul Asraf (kiri) dan Clement Marai hadir bertugas seperti biasa tanpa mengalami sebarang gejala selepas menerima suntikan vaksin, kelmarin.



(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)